

MPC.600-2/2/5

30 Januari 2021

En. Munir Ashim Abdullah
No 35 Jalan Warisan Setia 5/9
43900 Sepang
Selangor

Tuan,

**LANTIKAN SEBAGAI TENAGA PENGAJAR BAGI PROGRAM GERAKAN NASIONAL
PERTANIAN KONTRAK UNTUK PETANI KLUSTER CILI**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Nexus Produktiviti Agro-Makanan (AFPN) di bawah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) akan menganjurkan program latihan pertanian kontrak bagi petani kluster cili. Objektif sesi ini diadakan adalah untuk melahirkan individu yang akan menjadi pelatih dalam memastikan petani melaksanakan pertanian kontrak melalui pertanian kluster. Sehubungan itu, pihak AFPN ingin melantik tuan sebagai tenaga pengajar bagi siri latihan tersebut yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Nama program	: Program Gerakan Nasional Pertanian Kontrak Untuk Petani Kluster Cili
Tarikh	: Februari - Jun 2021

3. Sekiranya pihak tuan bersetuju menerima lantikan ini dan terma rujukan seperti di lampiran 1, pihak tuan dipohon untuk melengkapkan borang setuju terima seperti di lampiran 2 dan kembalikan kepada pihak kami selewat-lewatnya 2 Februari 2021.

4. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, pihak tuan boleh hubungi Puan Nur Fatimah Mohd Zaki di talian 011 1019 0313 atau emel ke nurfatimah@mpc.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SAFURA ABDUL MALEK)
Pengurus
Nexus Produktiviti Agro-Makanan
b.p Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia

TRANSFORMATION • INNOVATION • PARTNERSHIP

(Sila rujuk bilangan surat ini apabila menjawab)